

05/09/2001

Harun mahu Hamberi kembali dalam skuad

Lukman Salleh

JURULATIH pecut Harun Rasheed mahu anak didiknya, Hamberi Mahat, kembali ke skuad olahraga Sukan Sea XXI dan tidak mensesiakan impian serta harapan arwah ibunya, Salimah Kantin.

Sekalipun Hamberi mungkin lagi bersedih dengan kematian ibunya, Salimah, 45, Sabtu lalu, tetapi pelari pecut itu harus menguatkan semangatnya dan mengingati segala pengorbanan dan sokongan ibunya dalam sukan ini.

Menurut Harun, Hamberi perlu beraksi di Sukan Sea XXI kerana ia mungkin impian ibunya dan pastinya ibunya tidak mahu melihat anak muda ini melepaskan peluangnya mengharumkan nama negara.

"Saya tahu Hamberi masih lagi bersedih dan saya faham dengan situasinya ketika ini," kata Harun yang ditemui ketika majlis penyerahan bendera Jalur Gemilang oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada kontinjen negara di Putrajaya, semalam.

"Tetapi saya harap Hamberi akan kembali ke skuad olahraga kerana ia mungkin kehendak ibunya dan saya rasa ia sebagai menghormati dan mengenai jasa ibunya dengan kembali menyarung jersi negara.

"Saya akan berhubung dengannya hari ini bagi mengetahui keadaannya dan berharap dia akan memberikan jawapan positif untuk kembali menjalani latihan bersama skuad negara," kata Harun.

Ibu Hamberi, Salimah, meninggal dunia Sabtu lalu selepas dikatakan terjatuh daripada kerusi ketika cuba memperbaiki atap rumahnya yang bocor di Felda Redong, Segamat, Johor.

Kehilangan ibu tersayang, yang banyak memberi dorongan dan galakkan kepada Hamberi, jelas begitu sukar diterima pelari pecut itu dan dia masih merawat kesedihan dirinya.

Keadaan ini, menyebabkan Hamberi serba salah memikirkan kedudukannya dalam skuad kebangsaan - sama ada kembali ataupun menarik diri.

"Saya rasa Hamberi tidak akan menarik diri kerana ia mungkin penyelesaian kepada kesedihan yang dialaminya," kata Harun.

"Saya difahamkan bahawa ibu Hamberi adalah pendorong kuat kepadanya dan sentiasa memberi sokongan dan semangat kepada Hamberi untuk beraksi dalam acara olahraga.

"Malah ketika Hamberi sakit betispun, ibunya sanggup datang ke Kuala Lumpur membawa penawar. Justeru, saya rasa Hamberi perlu meneruskan aksinya dalam Sukan Sea sebagai memenuhi impian ibunya," kata Harun.

Sekiranya Hamberi kembali ke skuad kebangsaan, mental dan keadaan fizikalnya mestilah dalam tahap tertinggi dan perlu membulatkan tekad dan menguatkan semangatnya dalam menghadapi waktu kritikal dalam hidupnya.

(END)